SINAR HARIAN- AHAD 12 MAC 2017

Remaja 14 tahun dipaksa jadi buruh berjaya diselamatkan

IPOH – Polis Perak berjaya menyelamatkan seorang lagi mangsa eksploitasi buruh paksa dengan penemuan seorang remaja perempuan berusia 14 tahun di sebuah rumah di Pokok Sena, Kedah, 5 Mac lalu.

Remaja terbabit merupakan saki baki mangsa kes eksploitasi buruh paksa dan kanak-kanak yang berjaya dibongkar di sebuah ladang kelapa sawit di Kampung Tasek, Pengkalan Hulu, Februari lalu.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah

Negeri, Datuk Gan Tian Kee berkata, mangsa dilaporkan telah dijadikan anak angkat oleh keluarga pasangan suami isteri yang juga suspek kes terbabit sejak tiga bulan lalu.

"Mangsa yang berasal dari Bahau, Negeri Sembilan datang ke Pengkalan Hulu mengikut keluarganya bekerja di ladang terbabit.

"Ibu bapa mangsa diselamatkan lebih awal dan hasil maklumat ibu remaja itu, kita berjaya menjejakinya. Ketika ditemui, remaja terbabit berada di rumah keluarga isteri suspek dan telah dijadikan anak angkat," katanya.

Dalam serbuan 26 Februari lalu, polis menahan sepasang suami isteri warga tempatan berusia 44 dan 24 tahun, bekerja sebagai pengurus ladang berkenaan.

Polis turut menyelamatkan 18 individu termasuk dua remaja dan lima kanak-kanak berusia antara dua hingga 64 tahun setelah mendapat laporan dijadikan buruh paksa.

Tian Kee berkata, siasatan lanjut

terhadap kes itu mendapati, seorang daripada mangsa diselamatkan telah dijadikan hamba seks oleh suspek.

Menurutnya, berdasarkan keterangan mangsa, wanita berusia 23 tahun, suspek iaitu lelaki berusia 44 tahun itu menjadikannya hamba seks.

"Mangsa kini berada di Hospital Sungai Petani, Kedah bagi mendapatkan rawatan lanjut, polis telah mendapatkan tahanan reman terhadap suspek selama tujuh hari bermula 10 Mac lepas" katanya.



GAN TIAN KEE